

PKU lahirkan **graduan**
UPM yang seimbang

Tanpa persediaan dalam diri yang sempurna termasuk aspek praktikal adalah sukar bagi seseorang graduan untuk mendepani persaingan hidup berkerjaya dan bermasyarakat secara bermaruah, beretika dan beriman.

Berasaskan faktor itulah lahirnya Pusat Kokurikulum Universiti (PKU) Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor sekali gus sebagai pelopor dalam sektor institusi pengajian tinggi di negara ini.

Sejurus penubuhan PKU diluluskan oleh Pengurusan Universiti pada 9 Ogos 2006, operasinya terus bermula (1 November 2006) dengan konsep pelaksanaannya sebagai kursus berkredit ke atas setiap pelajar.

“Setiap pelajar mesti memperolehi sekurang-kurangnya dua kredit dalam aktiviti kokurikulum bagi melengkapkan keseluruhan keputusan apabila menamatkan pengajian masing-masing,” kata Pengarah Pusat Kokurikulum UPM, Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sarban.

Menurutnya, rasional penubuhan PKU adalah untuk memantapkan keterampilan graduan dalam melahirkan siswazah berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan.

Yang penting penubuhan dan operasi PKU membolehkan semua aktiviti dan kegiatan kokurikulum di UPM diiktiraf oleh semua pihak terutama agensi dan badan-badan korporat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada siswazah.

“Sebab itu penubuhan dan operasi pusat ini sedang gigih mendapatkan penanda aras yang diiktiraf di peringkat global dan antarabangsa,” katanya ketika ditemui di Pusat Kokurikulum UPM baru-baru ini.

Bagi tujuan tersebut, Dr. Mohammad Shatar dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Azali Mohamed iaitu orang yang bertanggungjawab mengilhamkan kegiatan kokurikulum berkredit, menghadiri pertemuan kelolaan sebuah organisasi penanda aras dunia dalam bidang tersebut di Amerika Syarikat.

Menurut Dr. Mohamad Shatar, suatu penanda aras yang diiktiraf dan bertaraf global penting bagi sesuatu kursus atau program baru yang berkonsep ‘awam’ dan profesional.

“Ia juga selaras dengan fungsi UPM sebagai institusi pengajian yang berkonsepkan penyelidikan serta mengembangkan hasil produk-produk penyelidikan dan pembangunan (R&D),” jelasnya.

Mengenai kursus kokurikulum berkredit Dr. Mohammad Shatar



PUSAT kokurikulum universiti mempunyai bangunan dan kumpulan pengurusan khas sendiri dalam mentadbir urus semua aktiviti pelajar.

menjelaskan, mulai semester pertama sesi 2007-2008, PKU melaksanakan lima komponen untuk dipilih oleh pelajar.

Ia meliputi Komponen Sukan dan Rekreasi, Badan Beruniform, Waja Diri, Seni Budaya serta Kepimpinan, Kemasyarakatan dan Hubungan Komuniti.

Program tersebut katanya, merupakan kursus wajib ke atas setiap pelajar bermula kemasukan sesi 2007-2008.

"Setiap kursus menawarkan satu kredit untuk dikumpul oleh setiap pelajar bagi memastikan jumlah dua kredit terkumpul sebagai syarat untuk bergraduan," tegasnya.

Bagi mengelak bebanan dan menseimbangkan tugas pelajar antara bidang akademik dengan kokurikulum beliau berkata, program serta aktiviti PKU hanya berlangsung pada setiap Sabtu sahaja.

Malah hari Sabtu katanya, diisytihar sebagai Hari Kokurikulum universiti, yang mana penilaian pemarkahan berkredit dibuat berdasarkan kehadiran, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah masing-masing 30% manakala baki 10% lagi dinilai melalui hasil tugasan buku log aktiviti.

Tidak cukup dengan kursus kokurikulum berkredit PKU juga tambah Dr. Mohammad Shatar, turut mengadakan Kursus Permulaan Graduan (*Starting School*) dan Kursus



DR MOHD SATTAR SABRAN

Keterampilan Graduan (*Finishing School*)

Secara mudahnya, program *Finishing School* adalah penyediaan terakhir untuk siswazah mempersiapkan diri bagi menyertai dan menjadi 'anggota masyarakat' untuk sama-sama hidup bersaing menyahut mencabar yang terbuka.

"Apabila konsep itu benar-benar dihayati dan diamalkan, ia turut membantu meningkatkan lagi keyakinan dan daya tahan diri siswazah sendiri dalam menghadapi apa juga

cabaran dan saingan dalam kehidupan nyata," ujarnya.

Kursus Permulaan Graduan dirangka khas untuk para pelajar sesi baru sebagai panduan dan bimbingan untuk mereka menghadapi budaya hidup kampus.

Ia lebih berkoncep program suaikenal antara sesama pelajar dan selok belok peranan dan tugas sebagai siswazah.

Kursus Keterampilan Graduan yang merupakan program perintis PKU dalam menyusuri laluan memantapkan kemahiran insaniah (*soft skills*) pula antara program wajib ke atas setiap graduan UPM.

Katanya, ini bermakna setiap pelajar yang akan bergraduat dan berada dalam semesta terakhir pengajian mesti mengikuti program dalam kursus berkenaan.

Tumpuan pada kursus tersebut tambah beliau, adalah memberi penekanan terhadap kemahiran berkomunikasi dan penulisan



profesional dan ia diaplikasikan melalui konsep *students friendly* yang dikendalikan oleh fasilitator bertaualah profesional dan berpengalaman.

Secara mudahnya, program *Finishing School* adalah penyediaan terakhir untuk siswazah mempersiapkan diri bagi menyertai dan menjadi 'anggota masyarakat' untuk sama-sama hidup bersaing menyahut mencabar yang terbuka.

Hari Terbuka Kolej Universiti Antarabangsa Islam Selangor (KUIS) 2008

Tarikh: 2 hingga 4 Mei

Masa: 9 pagi hingga 5 petang (Jumaat dan Sabtu)
9 pagi hingga 1 tengah hari (Ahad)

Tempat: Pusat Konvensyen KUIS

Aktiviti: Permohonan kemasukan pelajar terbuka (sila bawa kad pengenalan dan keputusan SPM)

- Hadiah menarik bagi 20 pelajar terawal yang membuat permohonan terbuka untuk memasuki KUIS

Program:

- Ceramah pendidikan dan kerjaya
- Ujian personaliti diri, minat kerjaya dan kaunseling terbuka
- Ujian tahap kecekapan IT (sijil dikeluarkan serta-merta)
- Eksplorasi KUIS
- Kempen derma darah oleh Pusat Darah Negara
- Pemeriksaan kesihatan percuma
- Aktiviti Tasmi' al-Quran
- Kuiz agama
- Pertandingan silang kata/sudoku
- Pertandingan fotografi KUIS
- Hadiah istimewa menanti pengunjung ke 100, 200, 300, 400 dan 1,000